

# Harga minyak belum disemak: Abdullah

BH - 20/1/2007

## Kerajaan pantau pergerakan semasa petrol di pasaran dunia

Oleh Azman Zakaria dan Azli Ayob

**K**UALA LUMPUR: Kerajaan belum membuat keputusan sama ada akan menyemak harga runcit petrol dan diesel di negara ini tetapi sentiasa memantau pergerakan minyak mentah di pasaran dunia, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, kerajaan tahu harga bahan bakar yang tinggi menimbulkan kesusahan kepada rakyat dan akan melakukan yang terbaik kerana sentiasa prihatin terhadap kebajikan mereka.

"Kita masih membuat pemerhatian... harga minyak sering turun naik. Kita menganggap pada masa ini belum tiba masanya untuk mengambil sebarang keputusan tertentu.

"Kita tak tahu, jangan-jangan naik balik pula... jadi ini akan menyusahkan. Lebih baik kita pantau harganya," katanya selepas mempene-

rusikan mesyuarat Majlis Pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) Kebangsaan di sini, semalam.

Harga minyak turun ke bawah paras AS\$50 setong di New York pada

**“ Kita masih membuat pemerhatian... harga minyak sering turun naik. Kita menganggap belum tiba masa untuk mengambil sebarang keputusan tertentu**

**Abdullah Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri

Khamis untuk kali pertamanya sejak Mei 2005 selepas data stok menunjukkan kenaikan ketara dalam penawaran minyak mentah di Amerika Syarikat iaitu pengguna minyak utama dunia.

Pada Julai tahun lalu, harga minyak melambung untuk merekodkan paras AS\$78.40 setong.

Abdullah yang juga Menteri Kewangan berkata, oleh kerana keputusan mengenai harga bahan bakar adalah penting, kerajaan tidak boleh terlalu cepat membuat keputusan, justeru adalah baik untuk terus membuat pemantauan.

Ditanya sama ada kerajaan akan menimbang menurunkan harga minyak jika harganya di pasaran dunia terus jatuh, beliau berkata: "Jangan tanya soalan spekulatif, kita tahu apa yang perlu kita lakukan."

Ketika ditanya mengenai laporan yang mendakwa kerajaan mendapatkan pinjaman berjumlah AS\$50 bilion untuk membiayai pelaksanaan projek Rancangan Malaysia Kesembilan

(RMK-9), Perdana Menteri berkata, kerajaan mempunyai cukup wang.

"Kerajaan tidak membuat pinjaman dari luar kerana kita ada wang. Saya tahu persoalan ini timbul kerana ada orang tuduh kita tiada wang yang cukup, sedangkan kita ada cukup," katanya.

Ditanya sama ada Malaysia akan berdepan dengan kemelesetan ekonomi tahun ini, Abdullah berkata, kerajaan lebih yakin bahawa ekonomi negara akan berkembang.

Beliau juga berkata, kerajaan belum membuat keputusan mengenai projek kabel dasar laut yang akan menghubungkan loji janakuasa hidroelektrik Bakun di Sarawak dengan Semenanjung.

Pada 12 Januari lalu, Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata kerajaan menimbang mengaktifkan semula projek kabel dasar laut itu bagi membawa elektrik dari Bakun ke Yong Peng, Johor untuk disambungkan kepada sistem grid nasional.